



Ayub (kiri) dan Omar selepas menandatangani MoU dengan PTNJ bagi tujuan kajian dan penyelidikan saintifik UiTM Shah Alam di Taman Hutan Lagenda.

## Dokumentasi perkongsian kepakaran, pengalaman

LEDANG – Kajian dan penyelidikan saintifik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam di Taman Hutan Lagenda di sini, diteruskan selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), baru-baru ini.

MoU itu dimenterai oleh Reaktor UiTM Johor, Dr Omar Samat yang mewakili UiTM Shah Alam, manakala PTNJ diwakili Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat di Dewan Utama Taman Negara Johor.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM Shah Alam, Profesor Dr Ir Abdul Rahman Omar berkata, tujuan lain MoU itu ialah untuk mengumpulkan data persekitaran fizikal, ekosistem dan kepelbagaian biologi, menjalankan penilaian sosio ekonomi, fungsi alam sekitar dan nilai lain.

“Khazanah di Taman Hutan Lagenda akan diteroka dan eksploitasi sama ada bahan galian atau logam sebelum didokumentasikan melalui

“**Khazanah di Taman Hutan Lagenda akan diteroka dan eksploitasi sama ada bahan galian atau logam sebelum didokumentasikan melalui perkongsian kepakaran serta pengalaman yang dimiliki UiTM.**”

**Adul Rahman**

perkongsian kepakaran serta pengalaman yang dimiliki UiTM.

“Kita akan perbaharui MoU ini setiap tiga tahun sekali. Kita juga baru menemui spesies flora yang masih tidak punya nama tempatan tetapi nama saintifiknya Maesa Fraserian yang tidak terdapat di tempat lain kecuali di Fraser Hill, Pulau Pinang,” katanya ketika ditemui selepas majlis tersebut.

Jelasnya, hasil kajian yang disertai 100 penyelidik dari pelbagai latar belakang penyelidikan termasuk melibatkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Malaysia Sarawak (Unimas); dan pertubuhan

bukan kerajaan (NGO), didokumentasikan dalam tiga buku dan filem.

Buku bertajuk ‘*Gunung Ledang: An Expose of Biodiversity*’, ‘*Gunung Ledang: Geology, Biodiversity and Socio-economic Environment*’ dan ‘*A Photographic Tribute To The Wild Orchids of Johor National Parks*’ dilancarkan sebelum MoU ditandatangani.

Sementara itu, Pengarah PTNJ, Suhairi berkata, terdapat banyak lagi kepelbagaian flora dan fauna ditemui tetapi belum dibukukan.

“Tanggungjawab PTNJ amat berat dalam memelihara dan memulihara seluruh kawasan biodiversiti di kawasan yang sudah diwartakan sebagai Taman Negara Johor dan sebarang usaha ke arah itu amat dialu-alukan,” katanya.